

Ruj. Kami : KP.SULIT(NP) 0063/57/
Jld.40/ (10)
Tarikh : 26 Ogos 2008

Semua Ketua Jabatan/Bahagian,
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Institut Perguruan

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pelajaran/Gabungan/Daerah

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG41 KE GRED DG44 SECARA *TIME-BASED* KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) YANG TELAH DILANTIK SEBAGAI PPPS GRED DG41

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 ke Gred DG44 secara *Time-based* Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) yang telah dilantik sebagai PPPS Gred DG41. Urusan ini mengambil kira setiap 3 tahun pengalaman di PPPLD Gred DGA29, Gred DGA32, Gred DGA34 dan Gred DGA38 sebagai 1 tahun pengalaman di Gred DG41 dengan had maksimum pengalaman 9 tahun di PPPLD bersamaan 3 tahun di PPPS DG41.

3. Bagi urusan kali ini, pegawai yang akan dipertimbangkan adalah mereka yang telah dilantik ke PPPS Gred DG41 seperti berikut:-

- (i) Telah dilantik sebagai PPPS Gred DG41 sekurang-kurangnya 7 tahun pada atau sebelum 16 Mei 2008; atau
- (ii) Telah dilantik sebagai PPPS Gred DG41 sekurang-kurangnya 7 tahun dalam tempoh 17 Mei 2008 hingga 31 Disember 2008.

4. Syarat-syarat dan kriteria kenaikan pangkat adalah seperti di **Lampiran A**. Sehubungan itu, pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk memperakukan calon-calon yang layak untuk dipertimbangkan mengikut format seperti di **Lampiran B1 dan B2** beserta dokumen-dokumen seperti berikut:-

- (a) Kenyataan Ketua Jabatan (format seperti di **Lampiran C**) mengenai Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) 3 tahun terkini 2005, 2006 & 2007, Pengisytiharan Harta, Tatatertib, Tempoh Percubaan Berdenda, Cuti Tanpa Gaji dan butir-butir lain yang disahkan oleh Ketua Jabatan;
- (b) Salinan Kad Pengenalan;
- (c) Salinan Slip Keputusan Tahap Kecekapan 1 atau 2 (Keputusan yang paling awal lulus sekurang-kurangnya di Aras III); dan
- (d) Lampiran T1, bagi tujuan tapisan keutuhan oleh Badan Pencegahan Rasuah.

5. Semua Ketua Jabatan diminta menyemak dengan teliti Buku Rekod Perkhidmatan pegawai dan memastikan tiada pegawai yang tertinggal ataupun berlaku kesilapan fakta yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam kenaikan pangkat.

6. Perakuan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian **pada atau sebelum 30 September 2008** ke alamat berikut:-

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Naik Pangkat Siswazah 2)

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada Jabatan/Bahagian/Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan atau pegawai-pegawai di Kementerian seperti berikut:

Puan Hanim binti Abdollah : 03-88847896
Cik Noor Hazleen binti Samsudin : 03-88847939

7. Kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengemukakan perakuan yang lengkap dan tepat pada tarikh di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

(TAN SRI Dr. ZULKURNAIN BIN HAJI AWANG)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Edaran Dalaman :

Y.Bhg. Dato' KPPM

TKSU(P)

Semua TKPPM

Edaran Luar :

Y.Bhg. Tan Sri Ismail bin Adam
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

Encik Mohd. Zafir bin Ibrahim
Setiausaha Sulit Kanan
Kepada Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
62502 PUTRAJAYA

LAMPIRAN A

SYARAT / KRITERIA KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG41 KE GRED DG44 SECARA *TIME-BASED* KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) YANG TELAH DILANTIK SEBAGAI PPPS DG41

1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) Gred DGA29, DGA 32, DGA 34 dan DGA 38 yang telah dilantik ke Pegawai Pendidikan Lepasn Siswazah (PPPS) Gred DG41;
2. Telah dilantik ke DG41 sekurang-kurangnya 7 tahun pada atau 16 Mei 2008; atau dalam tempoh 17 Mei 2008 hingga 31 Disember 2008;
3. Mengambil kira setiap 3 tahun pengalaman di PPPLD sebagai 1 tahun pengalaman di Gred DG41 dengan had maksimum 9 tahun di PPPLD bersamaan 3 tahun di PPPS Gred DG41;
4. Cara kiraan tempoh seperti dalam jadual berikut:

JADUAL KIRAAN TEMPOH PERKHIDMATAN

PPPLD			PPPS			TEMPOH GENAP 10 TAHUN BAGI URUSAN <i>TIME-BASED</i>
TAHUN LANTIKAN PPPLD GRED DGA29	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA (3 TAHUN PENGALAMAN DI PPPLD DIKIRA SEBAGAI 1 TAHUN BERKHIDMAT DI PPPS)	TAHUN LANTIKAN PPPS	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS DG41 PADA 16 MEI 2008	KOMBINASI TEMPOH (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
1995	3	1	1998*	9	1 + 9	10
1996	3		1999	9	1 + 9	10
1995	4					
1994	5	2	2000	8	2 + 8	10
1994	6					
1993	7					

PPPLD			PPPS			TEMPOH GENAP 10 TAHUN BAGI URUSAN <i>TIME-BASED</i>
TAHUN LANTIKAN PPPLD GRED DGA29	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA (3 TAHUN PENGALAMAN DI PPPLD DIKIRA SEBAGAI 1 TAHUN BERKHIDMAT DI PPPS)	TAHUN LANTIKAN PPPS	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS DG41 PADA 16 MEI 2008	KOMBINASI TEMPOH (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
1992	8					
1992	9	3	2001	7	3 + 7	10
1991	10					
1990 dan sebelum	11 dan lebih					

* Kelompok lantikan sebagai DG41 bagi tempoh 16 Mei 1998 hingga 31 Disember 1998 sahaja

5. Telah disahkan dalam jawatan;
6. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
7. Bebas dari tindakan tatatertib;
8. Lulus pengisytiharan harta;
9. Bebas dari senarai Peminjam Tegar Institusi Pendidikan;
10. Lulus Tapisan Keutuhan Badan Pencegah Rasuah; dan
11. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

MAKLUMAT PEGAWAI YANG DIPERTIMBANGKAN MENGIKUT SUSUNAN KEKANANAN

NAMA SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH
 URUSAN : KENAIKAN PANGKAT DARI GRED DG41 (KUP) KE GRED DG44 (KUP) BAGI BEKAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA
 (PPPS DG41 YANG TELAH DILANTIK SEKURANG-KURANGNYA 7 TAHUN PADA ATAU SEBELUM 16 MEI 2008)

BIL.	NAMA PEGAWAI NO. KAD PENGENALAN JAWATAN/ TEMPAT BERTUGAS	TARIKH LAHIR	TARIKH LANTIKAN PPPS DG41	TARIKH SAH JAWATAN PPPS DG41	TARIKH LANTIKAN KE PPPLD DGA29	TEMPOH PENGALAMAN DIAMBIL KIRA 1/2/3 TAHUN	TEMPOH DI ATAS PPPS DG41	MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI			JUMLAH MARKAH KESELURUHAN (100%)	KEPUTUSAN PTK/ ARAS/ TARIKH LULUS	PERAKUAN KEMENTERIAN	PERAKUAN URUSETIA
								2005 (20%)	2006 (35%)	2007 (45%)				

Adalah disahkan semua butiran di atas lengkap dan teratur.

(MAHZUM BINTI ARIFIN)
 Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
 Kementerian Pelajaran Malaysia
 Tarikh :

MAKLUMAT PEGAWAI YANG DIPERTIMBANGKAN MENGIKUT SUSUNAN KEKANANAN

NAMA SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH
 URUSAN : KENAIKAN PANGKAT DARI GRED DG41 (KUP) KE GRED DG44 (KUP) BAGI BEKAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA
 (PPPS DG41 YANG TELAH DILANTIK SEKURANG-KURANGNYA 7 TAHUN DALAM TEMPOH 16 MEI 2008 HINGGA 31 DISEMBER 2008)

BIL.	NAMA PEGAWAI NO. KAD PENGENALAN JAWATAN/ TEMPAT BERTUGAS	TARIKH LAHIR	TARIKH LANTIKAN PPPS DG41	TARIKH SAH JAWATAN PPPS DG41	TARIKH LANTIKAN KE PPPLD DGA29	TEMPOH PENGALAMAN DIAMBIL KIRA 1/2/3 TAHUN	TEMPOH DI ATAS PPPS DG41	MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI			JUMLAH MARKAH KESELURUHAN (100%)	KEPUTUSAN PTK/ ARAS/ TARIKH LULUS	PERAKUAN KEMENTERIAN	PERAKUAN URUSETIA
								2005 (20%)	2006 (35%)	2007 (45%)				

Adalah disahkan semua butiran di atas lengkap dan teratur.

(MAHZUM BINTI ARIFIN)
 Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
 Kementerian Pelajaran Malaysia
 Tarikh :

KENYATAAN OLEH KETUA JABATAN

Nama Pemohon : Encik/Puan : _____

No. Kad Pengenalan : Lama/Baru : _____

1. **Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)**

(a) Tahun 2005 : _____

(b) Tahun 2006 : _____

(c) Tahun 2007 : _____

2. **Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)**

(a) Lulus/ Dikecualikan *

PTK 1 Aras : _____ Tahun : _____

PTK 2 Aras : _____ Tahun : _____

PTK 3 Aras : _____ Tahun : _____

(b) Tarikh Duduk PTK :

(Sila sertakan semua salinan slip keputusan PTK yang telah diduduki)

3. **Kenyataan Tatatertib**

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas;

BEBAS dari kes tatatertib/BPR/Surcaj/Mahkamah

Atau

SEDANG dalam tindakan tatatertib/BPR/Surcaj/Mahkamah. (Nyatakan status kes/tindakan):-

i) Laporan telah dikemukakan kepada Urusetia Lembaga Tatatertib Kementerian

ii) Telah dikeluarkan surat pertuduhan
Atau

TELAH dikenakan hukuman tatatertib/BPR/Surcaj/Mahkamah seperti berikut:-

Jenis Kesalahan : _____

Jenis Hukuman : _____

Tarikh Hukuman : _____

4. **Kenyataan Mengenai Pengisytiharan Harta**

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas.

- a) **TELAH** mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa dan diluluskan melalui surat bil. _____ bertarikh _____
(sila sertakan salinan surat kelulusan)
- b) **BELUM** mengisytiharkan harta kepada pihak berkuasa tatatertib.

5. **Kenyataan Mengenai Tempoh Percubaan Berdenda / Cuti Tanpa Gaji/ Bersara Pilihan / Pelepasan Jawatan Dengan Izin / Perletakan Jawatan**

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas.

- a) Pernah / Tidak Pernah dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda mulai/pada _____ hingga _____
- b) Telah diluluskan cuti tanpa gaji mulai/pada _____ hingga _____
- c) Telah memohon cuti tanpa gaji mulai/pada _____ hingga _____
- d) Telah memohon bersara pilihan / pelepasan jawatan dengan izin/perletakan jawatan pada _____

Tarikh : _____
Tandatangan Ketua Jabatan & Cop Jabatan

Catatan:

(Tandakan dalam petak yang sesuai dan * potong mana yang tidak berkenaan)